

Naratif Nusantara Siri 38

(NARATIF NUSANTARA SIRI 38)

BERSEMPENA RESOLUSI PANEL PEMIKIRAN ISLAM – MAJLIS PERUNDINGAN ISLAM MENGEMBALIKAN TRADISI PEMIKIRAN ANALITIK DAN KRITIS DALAM KEHIDUPAN BERAGAMA: RESOLUSI TERBAIK UNTUK UMAT ISLAM DI MALAYSIA ABAD KE 21

Dr Amran Muhammad

Semalam di Ijtimak Majlis Perundingan Islam Kebangsaan yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Panel Pemikiran Islam telah membentangkan 5 Resolusi meliputi 1)“Pertahan Dunia Melayu Sebagai Wilayah Sunni”, 2)“Pemikiran Islam Menjawab Pemikiran Semasa”, 3)“Pemasyarakatan Pemahaman ASWJ”, 4)“Pemberdayaan IPT” dan 5)“Pemikiran Islam Mendepani Permasalahan Sains”. Dalam pembentangan tersebut istilah-istilah Kalam Asha’irah, Tajdid Kalam, Ilmu Mantik, Pemikiran Analitik, Kritis dan Inovatif, Dialog Intelektual, Epistemologi, Aksiologi, Sains dan Cabaran Ilmu Semasa menjadi katakunci penting pada menyatakan hasrat yang tersurat dan tersirat dari sekumpulan pakar yang menganggotai Panel Pemikiran Islam – Majlis Perundingan Islam dalam merenung langkah masadepan umat Islam di Malaysia. Pun begitu Resolusi-Resolusi yang padat yang dibentangkan dihadapan kelompok elit umat mestilah pula diterjemahkan kepada masyarakat massa untuk mencetuskan gelombang perubahan diperingkat akar-umbi.

Umat Islam mestilah menerima hakikat bahawa mereka telah kehilangan Tradisi Pemikiran Analitik dan Kritis dalam kehidupan beragama yang sekaligus memberi kesan yang parah dalam kehidupan duniawi khususnya dalam soal penghasilan dan penguasaan ilmu pengetahuan semasa atau Sains Kontemporari. Kemusnahan kefahaman dan penghayatan umat terhadap Tradisi Pemikiran Analitik dan Kritis yang lazimnya dikaitkan dengan Disiplin Ilmu Kalam dan Ilmu Mantik atau Logik secara lebih khusus menjadi berleluasa sejak awal Abad 19 dan Abad 20 terutamanya dengan muncul fenomena gerakan yang memaksakan umat Islam hanya perlu merujuk Al-Qur’an dan Al-Hadith semata-mata dalam kehidupan mereka. Fenomena dan gerakan yang menghapuskan daya fikir, daya akliah dan daya rasionaliti dengan slogan “Kembali kepada Al-Quran dan Al-Sunnah” ini telah menayangkan paparan sejarah pemikiran dan peradaban Islam sebagai suatu paparan hodoh serta perlu dijauhi kerana kononnya bercampur-aduk dengan pengaruh Yunani, India, Parsi yang tidak Islamik.

Malangnya slogan dan propaganda “Kembali kepada Al-Qur’an dan Al-Sunnah” semata-mata tanpa merujuk kepada Tradisi Keilmuan, Kerohanian dan Ketamadunan Islam telah membangkrupkan daya fikir, akli, rasional umat sehingga tiada lagi Tradisi Analitik dan Kritis yang menjadi asas serta pencetus kepada penghasilan ilmu-ilmu baru. Akibatnya umat Islam terus dihidangkan dengan ulangan-ulangan ilmu-ilmu lama tanpa pembaharuan dan dipersibukkan dengan polemik hukum-hakam perselisihan pendapat, status kesahihan hadis serta hal-hal titik-bengik keagamaan yang sama sekali tidak membolehkan mereka membina

kekuatan pemikiran, kekayaan ilmu baru apatah lagi kemunculan peradaban semula Islam. Resolusi Panel Pemikiran Islam semalam tepat dan padat dalam usaha untuk kita mengeluarkan umat Islam dari kemelut perselisihan dalaman keagamaan berdepan dengan cabaran kehidupan pemikiran dan peradaban kemanusiaan yang sebenar.

Cabaran sebenar umat Islam untuk bangkit sebagai sebuah peradaban keilmuan yang kini dikuasai dan dimonopoli oleh Peradaban Barat jarang sekali dikemukakan oleh golongan agamawan kita yang lebih selesa berpolemik tidak isu khilafiyah dan status hadis. Tamadun dan Peradaban Barat terus menerus menguasai Dunia Umat Islam dan Umat Manusia tidak lain dan tidak bukan kerana mereka menghasilkan, memiliki dan menguasai dunia ilmu pengetahuan dengan segala sesuatu yang berkaitan ilmu itu. Manakala Umat Islam terus ketinggalan dalam serba serbi kerana kegagalan mereka untuk menggagaskan ilmu mereka sendiri dalam menghadapi cabaran kehidupan dan sekadar menjadi pengguna, pengimport dan pengkagum ilmu-ilmu Barat semasa. Perpecahan dan kelemahan politik, ekonomi dan sosial yang siang-malam diperkatakan dalam Dunia Umat Islam tidak lain dari manifestasi terpecahnya visi ilmu dalam kehidupan, lemahnya misi dan motivasi keilmuan serta ketidakupayaan memiliki peralatan-peralatan fikir, akliah dan rasional yang membolehkan Tradisi Analitik dan Kritis terbina.

Sejak 300 tahun setelah muncul apa yang dinamakan Revolusi Sains Barat pada Abad ke 17, yang sehingga kini menjadi batu-asas bagi ilmu-ilmu moden semasa dalam pelbagai disiplin keilmuan, dunia ilmu kontemporari mengalami krisis ilmu yang sangat dahsyat dari dimensi faham kebenaran, kewujudan dan nilai ilmu itu sendiri. Misalnya setelah 300 tahun melalui Revolusi Sains dengan segala pencapaian Sains Kontemporari, masyarakat sains Barat masih belum mengenal Tuhan, Makna Kehidupan, Tujuan Kehidupan dan seumpamanya. Bukan sahaja Sains ciptaan Peradaban Barat masih tidak menjumpai Tuhan malah juga Sains ciptaan Barat masih tidak pasti tentang kewujudan Ruh dan Kesedaran Insan. Ketidakpastian hal-hal sarat nilai yang berkaitan dengan faham kebenaran, kewujudan dan nilai inilah yang mencorakkan ilmu-ilmu pengetahuan semasa yang akhirnya mempengaruhi para penuntut, pelajar dan pemiliknya menjadi individu dan masyarakat yang sekular, atheis, agnostik, skeptik dan pelbagai-lagi kekeliruan semasa yang terbit dari sifat dan tabiat ilmu yang celaru itu.

Dalam konteks menyahut cabaran resolusi Panel Pemikiran Islam bagi mendepani cabaran sebenar Pemikiran dan Peradaban Kontemporari olahan Barat Semasa, disinilah letaknya kedudukan dan peranan menghidupkan semula Ilmu Kalam dan menggerakkan Inisiatif Tajdid Kalam bagi mengembalikan Tradisi Analitik dan Kritis Umat Islam. Umat Islam dan para ulamanya termasuk agamawan secara umumnya tiada pilihan lain selain perlu mengembleng masa dan tenaga untuk menjayakan proses pengupayaan Daya Fikir, Daya Akliah dan Daya Rasional umat. Oleh kerana ketidaktahuan dan salah-maklumat yang diperolehi, terdapat dikalangan umat, ulama dan agamawan yang menolak Ilmu Kalam dan Ilmu Mantik tanpa usul-periksa. Persoalannya bukan atas nama ilmu itu Kalam ataupun Mantik yang sekian lama disalah-persepsikan, tetapi yang perlu diteliti ialah isi-kandungan, tujuan serta faedah ilmu-ilmu Kalam dan Mantik ini yang membolehkan Tradisi Analitik dan Kritis ini terbentuk pada pemikiran umat di masa lalu.

Negara Malaysia Moden Abad ke 21 sewajarnya menjadi contoh sebuah negara Islam yang umatnya berjaya memiliki kedua penguasaan akliah dan nakliah (Akal dan Wahyu) yang digabungjalin dengan baik dan bukannya membuang akal semata-mata kononnya akal itu tidak berguna untuk kehidupan beragama. Tiada lagi sepatutnya slogan dan propaganda “Kembali kepada Al-Qur’an dan Al-Sunnah” semata-mata tanpa merujuk kepada Tradisi Iman-Islam-Ihsan/Kalam-Fekah-Tasawwuf yang merupakan kesinambungan khazanah keilmuan, kerohanian dan ketamadunan Islam. Dalam dunia globalisasi, komunikasi, sains, teknologi dan inovasi, umat, ulama dan agamawan mestilah berupaya menanggapi, memahami serta menghayati kedua-dua Kitab Besar, Al-Qur’an sebagai Buku Wahyu dan Alam Semesta sebagai Buku Akal juga ditambah dengan Diri Insan sebagai Bukunya yang tersendiri. Kehidupan duniawi yang sempurna bagi umat Islam sudah tentu perlu mengambil kira kedua-dua peranan dan sumbangan Agama dan Sains dalam konteks semasa. Justeru gabung-jalin Agama dan Sains yang dimulakan dengan pembinaan Tradisi Pemikiran Analitik dan Kritis umat seperti yang diungkapkan dalam Resolusi Panel Pemikiran Islam berupaya memberi saujana baru bagi umat Islam di Malaysia.

NARATIF NUSANTARA ialah sebahagian dari PROGRAM KALAM STRATEGIK ISLAMIC AND STRATEGIC STUDIES INSTITUTE (ISSI) bertujuan membina masyarakat dunia yang menikmati keamanan, rahmah dan barakah melalui tradisi keilmuan, kerohanian dan ketamadunan Islam (NARATIF NUSANTARA SIRI 38)